



KEMENTERIAN KERJA RAYA
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

KENYATAAN MEDIA MENTERI KERJA RAYA

PEMBUKAAN LALUAN FT 08 BENTONG-RAUB (JAMBATAN SG BENTONG)

Laluan FT 08 Bentong - Raub (Jambatan Sg Bentong) yang telah ditutup sejak jam 4.40 pagi 11 Januari 2015 akibat mendapan yang serius, akan dibuka semula kepada lalulintas pada jam 11.00 pagi ini, Khamis, 15 Januari 2015.

Penutupan jambatan itu sebelum ini dibuat berikutan mendapan yang serius pada abutmen jambatan di seksyen 6.2, disebabkan oleh arus deras Sungai Bentong yang menghakis tebing sungai.

Berikutan itu, kerja-kerja pembaikan telah dilaksanakan oleh Pejabat Jurutera Daerah (JKR) Bentong melalui kontraktor tempatan dan syarikat konsesi Roadcare Sdn Berhad untuk TMP (Traffic Management Plan). Pembaikan adalah menggunakan kaedah menanam 'sheet pile' dan pembinaan semula 'approach slab'.

Walaubagaimanapun untuk mengatasi masalah pengguna-pengguna tempatan termasuk kanak-kanak sekolah, kerja terpaksa dihentikan pada masa-masa tertentu untuk memberi laluan kepada penunggang motosikal dan pejalan kaki. Kerja-kerja akhir penurapan semula dan mengecat jalan telah disiapkan pada awal pagi tadi.

Dengan siapnya komponen-komponen tersebut, dan semakan keselamatan, maka Laluan FT 08 Jambatan Sungai Bentong adalah dengan ini disahkan selamat dan dibuka semula untuk pengguna jalanraya.

Saya mengucapkan syabas dan berbanyak terima kasih kepada kesemua pihak yang telah bekerjasama untuk menyiapkan kerja ini sehingga Laluan FT08 Bentong – Raub telah dapat dibuka semula di dalam masa 4 (Empat) hari sahaja demi kemudahan kepada rakyat.

YB DATO' SRI FADILLAH YUSOF
MENTERI KERJA RAYA
15 JANUARI 2015
9:00 PAGI

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my | Kementerian Kerja Raya | @MOWorks | Pro@kkr.gov.my